<b><u>Piring hangat</u></b>	Semasa menggunakan piring hangat atau bahan pemanas, selalu letakkan bahan penebat haba seperti piring tembikar di bawah untuk mengelakkan sebarang kerosakan pada piring putar, roda penatap dan coupling disebabkan oleh pengaruh haba. Jangan hangatkan piring melebihi masa yang ditetapkan mengikut arahan penggunaan.
<b><u>Plastik pembungkus selamat ketuhar</u></b>	Untuk memasak makanan yang mengandungi lemak yang banyak, jangan menggunakan pembalut ini kerana ianya akan cair.
<b><u>Bekas plastik selamat ketuhar</u></b>	Sesetengah bekas plastik yang selamat digunakan dalam ketuhar gelombang mikro tidak sesuai untuk pemasakan makanan yang mengandungi kandungan lemak dan gula yang tinggi.

# OPERASI PANEL KENDALIAN

Di dalam bahagian buku Resipi, anda akan mendapati langkah demi langkah arahan-arahan untuk resipi-resipi yang mudah. Arahan- arahan asas adalah diterangkan di bawah:

1.	Pastikan Alat Pengawalan Masa ditetapkan pada kedudukan "0" dan pasangkan wayar elektrik ketuhar ke soket elektrik.
2.	Tekan butang buka pintu untuk membuka pintu.
3.	Letakkan roda penetap di atas coupling di dalam ketuhar dan tempatkan piring putar di atas roda penetap.
4.	Letakkan makanan di atas piring putar dan tutupkan pintu ketuhar dengan rapi.
5.	<p><b>MASAKAN</b> Katakan anda ingin memasak pada tahap TINGGI(HIGH) selama 10 minit.</p> <p>Pilih set kawalan masakan TINGGI.</p>  <p>Putarkan Alat Pengawalan Masa(TIMER) mengikut jangkamasa masakan yang dikehendaki (10 minit).</p>  <hr/> <p><b>PENCAIRAN</b> Katakan anda ingin mencairkan daging seberat 0.5 kg.</p> <p>Pilih set kawalan masakan PENCAIRAN (SEDERHANA RENDAH atau MED LOW).</p>  <p>Putarkan Alat Pengawalan Masa mengikut berat daging yang digunakan (0.5 kg) seperti yang ditunjukkan pada skala.</p>  <p>Piring putar akan mula berputar disepanjang aktiviti masakan gelombang mikro sedang berlaku.</p>
6.	Alat pengawalan Masa akan mengawal masa dengan mengira ke arah "0" minit. Apabila Alat Pengawalan Masa mencapai "0" minit, bunyi signal akan kedengaran dan ketuhar akan berhenti berfungsi secara automatik. Sekiranya anda ingin berhenti memasak sebelum jangka masa masakan tamat, putarkan semula Alat Pengawalan Masa kepada "0" minit ataupun bukakan pintu ketuhar. Setiap kali pintu ketuhar dibuka, ketuhar akan terhenti operasinya serta merta.

## PERHATIAN

### MASAKAN CARA GELOMBANG MIKRO YANG UMUM.

- Setiap kali semasa set Alat Pengawalan Masa selama kurang daripada 2 minit, putarkan Alat Pengawalan Masa lebih daripada 2 minit dan kemudian putar semula kepada masa yang dikehendaki.
- Lampu ketuhar akan menyala semasa proses masakan sedang berlaku.
- Pintu ketuhar mungkin akan dibukakan pada bila-bila masa semasa proses masakan sedang berlaku. Sekiranya anda ingin meneruskan proses masakan, tutupkan pintu ketuhar.
- Jika kamu ingin menukar tahap kuasa atau masa masakan semasa ketuhar beroperasi, putar KAWALAN MASAKAN atau ALAT PENGAWALAN MASA mengikut kesukaan kamu.
- PASTIKAN UNTUK MEMUTAR SEMULA Alat Pengawalan Masa kepada "0" selepas tamat memasak.

### PENCAIRAN

- Skala Panduan Pencairan Daging dikhususkan khas untuk daging sahaja. Sila rujuk jadual mencairbeku di panduan memasak pada mukasurat M-8.
- Rujuk ke carta mencair beku untuk penerangan yang terperinci. Untuk mencairkan bahan makanan lain, pilih butang DEFROST (Sederhana Rendah MED LOW) dan putarkan Alat Pengawalan Masa kepada jumlah minit yang dikehendaki.



# PENJAGAAN DAN PEMBERSIHAN

Putuskan bekalan kuasa elektrik sebelum melakukan kerja-kerja pembersihan atau biarkan pintu ketuhar terbuka untuk menjadikan ketuhar tidak aktif semasa membersihkannya.

**MEMBERSIHKAN KETUHAR SECARA KERAP** - Pastikan ketuhar bersih dan buang apa-apa sisa makanan, jika tidak permukaan boleh rosak. Ini boleh menjejaskan hayat perkakasan dan mungkin menyebabkan situasi berbahaya.

**Bahagian luar:**

Bahagian luar boleh dibersihkan dengan sabun lembut dan air suam, dilap bersih dengan kain lembap. Elak daripada menggunakan alat penggosok yang kasar. Pastikan lohong-lohong ventilasi bebas habuk.

**Pintu:**

Lap pintu (termasuk kedua-dua bahagian tingkap pintu ketuhar dan permukaan penutup pintu) dan bahagian-bahagian yang bersebelahan dengan kerap menggunakan kain yang lembap untuk menanggalkan sebarang limpahan atau percikan. Jangan gunakan bahan-bahan pencuci lelas.

**Panel Kendalian:**

Lap panel dengan kain yang dilembapkan dengan sedikit air sahaja. Jangan gosok atau gunakan sebarang pencuci bahan kimia. Elak daripada menggunakan air yang berlebihan.

**PERHATIAN:**

Berhati-hati supaya tidak menggerakkan Alat Pengukur Masa daripada "0" semasa membersihkan ketuhar. Ini kerana ketuhar akan mula berfungsi serta-merta setelah anda tutupkan pintu ketuharnya.

**Dinding dalaman:**

Untuk membersihkan permukaan dalam, lapkan dengan kain lembut dan air suam. Selepas ketuhar digunakan, lap penutup hala gelombang di dalam ketuhar dengan kain lembut yang lembap untuk menanggalkan sebarang percikan makanan. Timbunan percikan akan menyebabkan asap atau terbakar.

Jangan keluarkan penutup hala gelombang. **JANGAN GUNAKAN PEMBERSIH KETUHAR YANG DIJUAL, PENGGOSOK ATAU PEMBERSIH KASAR DAN ALAS PENGGILAP UNTUK MEMBERSIHKAN MANA-MANA BAHAGIAN KETUHAR GELOMBANG MIKRO. JANGAN SEMBURKAN CECAIR PEMBERSIH KETUHAR SECARA LANGSUNG KE MANA-MANA BAHAGIAN KETUHAR ANDA.**

Elak daripada menggunakan air yang berlebihan. Selepas membersihkan ketuhar, pastikan semua air dilap kering dengan tuala lembut.

**Piring putar/Roda penetap:**

Bersihkan dengan air sabun yang halus dan keringkan secara menyeluruh.

# PEMERIKSAAN SEBELUM PANGGILAN SERVIS

Sila semak perkara-perkara yang berikut sebelum membuat panggilan servis:

Masukkan secawan air (anggaran 250 ml) di dalam ukuran gelas ke dalam ketuhar dan tutup pintu dengan baik-baik. Setkan Alat Pengukur Masa selama 1 minit pada tahap TINGGI.

- A. Adakah lampu ketuhar terbakar? YA \_\_\_\_\_ TIDAK \_\_\_\_\_
- B. Adakah kipas penyejuk berfungsi? YA \_\_\_\_\_ TIDAK \_\_\_\_\_  
(Letakkan tangan anda di belakang lubang edaran udara).
- C. Adakah piring putar berpusing? YA \_\_\_\_\_ TIDAK \_\_\_\_\_  
(Piring putar boleh berpusing mengikut arah jam dan lawan jam. Ini adalah biasa).
- D. Selepas satu minit, adakah loceng isyarat berbunyi? YA \_\_\_\_\_ TIDAK \_\_\_\_\_
- E. Adakah air di dalam ketuhar panas? YA \_\_\_\_\_ TIDAK \_\_\_\_\_

Sekiranya "TIDAK" ialah jawapan kepada salah satu daripada soalan-soalan di atas, sila periksa soket dan fius di dalam peti meter anda.

Sekiranya kedua-dua soket dan fius adalah berfungsi dengan elok, HUBUNGI LAH PUSAT SERVIS ANDA YANG TERDEKAT YANG DILULUSKAN OLEH SHARP.

**PERHATIAN** Jika anda memasak makanan melebihi 20 minit dengan kuasa tinggi, kuasa ketuhar akan mengurang secara automatik bagi mengelakkan melampaui panas.

# SPESIFIKASI

- Voltan AC : Rujuk kepada label rating di belakang ketuhar.
- Kuasa AC Yang Diperlukan : 1.22 kW
- Kuasa Output : 800 W\* (Ujian Prosedur IEC)
- Frekuensi Gelombang Mikro : 2450 MHz (Kelas B/Kumpulan 2)\*\*
- Ukuran Luar : 460 mm(L) x 275 mm(T) x 380 mm(P)
- Ukuran Ruang Dalam : 319 mm(L) x 211 mm(T) x 336 mm(P)\*\*\*
- Kapasiti Ketuhar : 22 litre\*\*\*
- Keseragaman Masakan : Sistem piring putar (dulang 272 mm)
- Berat : Anggaran 12 kg

\* Ukuran ini adalah berdasarkan kepada ukuran piawai yang digunakan oleh "International Electrotechnical Commission" untuk mengukur kuasa.

\*\* Ini adalah klasifikasi mengenai peralatan ISM (industri, sains dan perubatan) seperti mana diterangkan dalam Standard Antarabangsa CISPR11.

\*\*\* Kapasiti dalaman dihitung dengan mengukur ketebalan, kedalaman dan ketinggian maksimum. Kapasiti sebenar untuk isian makanan adalah kurang daripada itu.





## Panduan Peralatan dan Bekas Memasak

Utensil	Gelombang mikro	Wap
Bekas kaca (kalis kepanasan)	○	○
Bekas Seramik (kalis kepanasan)	○	○
Tembikar dan bekas yang diperbuat daripada batu	○	○
Bekas yang diperbuat daripada logam., Bekas yang diperbuat daripada keluli tahan karat	×	×
Bekas yang diperbuat daripada jerami, rotan dan kayu	Jangkamasa pendek	×
Bekas yang diperbuat daripada plastik	Jangkamasa pendek	×
Piring kertas atau tuala	Jangkamasa pendek	×
Pembalut plastik (selamat ketuhar gelombang mikro)	○	×
Kertas pembalut timah	Perlindungan	Perlindungan
Bekas yang diperbuat daripada kertas timah	×	×

### PERHATIAN

#### STANDARD PENGUKURAN

1 cawan	=	250 ml
1 sudu besar	=	15 ml
1 sudu teh	=	5 ml
1 sudu besar	=	3 sudu teh.

## Carta Pencairan

Menu	*Masa Pencairan	Aras Kuasa	Arahan	Masa yang diperlukan
Daging Lembu yang dikisarkan	6 minit per 500 g	SEDERHANA/RENDAH	Letakkan pada piring yang leper. Selepas separuh daripada masa yang diperlukan, keluarkan daging yang dicairkannya. Kemudian terbalikkannya dan balutkan bahagian yang panas seperti diperlukan. Selepas tamat jangkamasa pencairan salutkan daging dengan kertas timah.	5 hingga 30 minit
Tulang dada lembu atau daging panggang	6 minit per 500 g	SEDERHANA/RENDAH	Letakkan pada piring yang leper. Selepas separuh daripada masa yang diperlukan, pisahkan, susun semula dan balutkan daging seperti diperlukan. Selepas tamat jangkamasa pencairan salutkan daging dengan kertas timah.	5 hingga 30 minit
Kepak Ayam	6 minit per 500 g	SEDERHANA/RENDAH	Letakkan pada piring yang leper. Selepas separuh daripada masa yang diperlukan, pisahkan, susun semula dan balutkan daging seperti diperlukan. Selepas tamat jangkamasa pencairan, salutkan kepingan ayam dengan kertas timah.	5 hingga 30 minit
Peha Ayam	6 minit per 500 g	SEDERHANA/RENDAH	Letakkan di atas piring. Selepas separuh masa, pisahkan, susun semula dan tutup seperti yang dikehendaki. Selepas masa mencair, biarkan ia ditutup dengan kertas aluminium.	5 hingga 30 minit
Seekor Ayam	10 minit per 1.0 kg	SEDERHANA/RENDAH	Letakkan di atas piring. Selepas separuh masa, balikkan dan tutup seperti yang dikehendaki. Selepas masa mencair, biarkan ia ditutup dengan kertas aluminium.	5 hingga 30 minit

\* Setkan Alat Pengawalan Masa kepada tanda pencairan 0.5公斤 (0.5 kg) atau 1公斤 (1.0 kg).

### PERHATIAN

- Tanggalkan pembalut plastik atau kertas daripada daging yang dibekukan sebelum mencairkannya. Kemudian letakkan daging di dalam piring yang leper untuk mencairkannya. (Rujuk carta pencairan untuk keterangan.)
- Semasa membekukan daging lembu yang dikisarkan, bentukannya ke dalam saiz yang leper. (Kelebaran: kurang daripada 3 cm). Bagi ketulan ayam, daging panggang dan daging tanpa tulang bekukan secara berasingan pada lapisan yang leper dan jika perlu selitkan pembeku plastik untuk memisahkan setiap lapisan. Ini adalah untuk memastikan proses pencairan berlaku dengan rata.

## Carta Menu Nasi

Kuantiti	Masa	Aras Kuasa	Cara
Untuk 2 orang 150 g Nasi 240 ml Air	15 minit	SEDRHANA TINGGI	<ul style="list-style-type: none"> <li>Cuci beras sehingga air kelihatan jernih.</li> <li>Masukkan beras dan air ke dalam bekas rebus yang dalam (2 liter hingga 3 liter) dan rendamkan beras tadi selama 30 minit.</li> <li>Kacau dan masak secara tertutup.</li> <li>Selepas dimasak, kacau dengan perlahan dan dibiarkan selama 5 minit dalam keadaan tertutup.</li> </ul>
Untuk 4 orang 300 g Nasi 480 ml Air	18 minit	SEDRHANA TINGGI	

### PERHATIAN

- Suhu air harus dikekalkan pada tahap 20°C pada permulaan masakan. Sekiranya suhu air melebihi atau kurang daripada 20°C, keputusan masakan mungkin tidak akan memuaskan.
- Piring panas harus diletakkan di bahagian tengah piring putar untuk memastikan ia berpusing dengan baik didalam ketuhar.
- Arahan-arahan ini ialah untuk beras putih tanpa bahan tambahan.



# RESIPI

## SUP

### Sup Bebola Udang dengan Cendawan Straw

#### [Bahan-bahan yang diperlukan]

230 gm udang  
40 gm lemak daging  
1 tin cendawan straw  
sedikit bawang yang dipotong bulat  
sedikit minyak bijan

#### [Bahan-bahan Perisa]

(A)  
1 sudu teh garam  
1/2 sudu teh monosodium glutamate  
1/2 sudu teh lada  
1 biji putih telur  
1/2 sudu teh tepung jagung  
(B)  
1 sudu teh garam  
1 sudu besar wain yang diperbuat daripada beras  
2 sudu teh monosodium glutamate  
3 cawan air.

#### [Cara Memasak]

1. Buangkan urat udang, keringkan dan cincangkannya. Tambahkan lemak daging dan bahan-bahan perisa (A), kacau sehingga menjadi sehati supaya dapat membentuk pasta yang pekat. Gunakan sudu besar untuk membentuk bebola udang. Kemudian ketepikannya.
2. Tambahkan bahan-bahan perisa (B) ke dalam mangkuk kaserol yang besar, tutup dan letakkan di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 7 minit.
3. Tambahkan bebola udang, cendawan straw dan bawang yang dipotong bulat. Tutup dan biarkan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 3 hingga 4 minit sehingga bebola udang timbul di atas sup. Renjiskan minyak bijan dan ianya sedia untuk dihidangkan.

### Bebola Daging dalam Sup Tomato

#### [Bahan-bahan]

150 gm tomato  
150 gm daging lembu yang dikisarkan  
2 ulas bawang yang dipotong bulat  
2 keping halia  
sedikit daun ketumbar yang dicincang halus  
sedikit daun saleri yang dicincang halus  
sedikit minyak bijan

#### [Bahan-bahan Perisa]

(A)  
1/2 sudu teh garam  
1/4 sudu teh monosodium glutamate  
1/2 sudu teh wain yang diperbuat daripada beras  
1/2 sudu teh sos soya  
1 sudu teh tepung jagung  
1 ulas putih telur  
(B)  
1/2 sudu teh garam  
1 ulas bawang yang dipotong bulat  
1/4 sudu teh lada  
1/4 sudu teh monosodium glutamate

#### [Cara Memasak]

1. Cincang bawang dan halia sehingga menjadi halus. Potong tomato kepada 4 bahagian.
2. Campurkan daging lembu yang dikisarkan dengan bawang, halia dan bahan-bahan perisa (A). Kemudian tambahkan putih telur dan tepung jagung. Kacau sehingga semua bahan-bahan tadi menjadi sehati. Kemudian gunakan sudu besar untuk membentuk bebola daging.
3. Tambahkan 3 cawan air dan tomato kedalam mangkuk yang besar. Tutupkan dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 7 minit. Tambahkan bebola daging dan bahan-bahan perisa (B), tutup dan masak semula pada tahap HIGH selama 3 hingga 4 minit. Tambahkan daun ketumbar dan saleri serta renjiskan minyak bijan sebelum dihidangkan.

### Broccoli and Minced Fish Soup

#### [Bahan-bahan]

300 gm isi ikan  
150 gm brokoli  
1 sudu besar daun saleri yang dicincang

#### [Bahan-bahan Perisa]

(A)  
1 biji putih telur  
1/2 sudu teh garam  
1 sudu teh wain yang diperbuat daripada beras  
(B)  
1 ulas bawang yang dipotong bulat  
2 keping halia  
1 sudu teh wain yang diperbuat daripada beras  
(C)  
1/2 sudu teh garam  
1/4 sudu teh monosodium glutamate  
1/4 sudu teh lada

#### [Cara Memasak]

1. Buangkan tulang ikan dan cincangkannya halus. Tambahkan bahan-bahan perisa (A) dan kacau perlahan.
2. Basuh brokoli dan potongkannya menjadi kepingankepingan yang kecil. Masukkan bahan tadi ke dalam mangkuk kaserol dan tambahkan 2 sudu besar air. Tutupkan dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 2 minit 30 saat.
3. Masukkan bawang yang dipotong bulat, halia dan 3 cawan air serta bahan-bahan perisa (B) ke dalam mangkuk kaserol. Kacau sehingga semua bahan-bahan tadi menjadi sehati. Tutupkan dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 7 minit. Tambahkan bahan-bahan perisa (C) dan brokoli. Masak semula di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 2 minit 30 saat.
4. Masukkan adunan ikan yang dicincang ke dalam sup yang sedang mendidih. Tutup dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro selama 1 minit. Hiaskan dengan daun saleri.





## DAGING

### Daging Ayam Yang Sejuk Masak Cili

#### [Bahan-bahan]

1 3/5 cawan jellyfish  
1 biji (50 gm) timun  
230 gm paha ayam  
10 cm daun bawang  
3 keping halia  
1 sudu besar wain cina  
beberapa biji tomato  
sedikit daun parsli

#### [Bahan-bahan untuk Sos]

3 sudu besar daun bawang yang dicincang halus  
1 sudu teh halia(yang diparut)  
4 sudu besar sos soya  
1/2 sudu teh gula  
1 sudu besar cuka  
2 sudu besar sos cili  
2 sudu besar pasta bijan.

#### [Cara Memasak]

1. Rendamkan jellyfish di dalam air suam malaman selama 2 hingga 3 hari. Kemudian keringkannya.
2. Tuangkan air panas ke atas jellyfish dan kacaukan dengan garpu atau "chopstik". Apabila ia mula mengecut, tambahkan air sejuk dan rendamkan buat sementara waktu sebelum mentoskannya.
3. Timun dipotong menyerong.
4. Potong paha ayam. Tanggalkan kulit ayam dan letakkannya di dalam mangkuk kaserol dengan mengarahkan kulitnya ke bawah. Tambahkan daun bawang, halia dan wain. Tutup dan letakkan di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 2 minit 30 saat. Biarkannya menjadi sejuk sebelum menghiriskannya.
5. Letakkan bahan-bahan seperti yang terdapat pada langkah-langkah 2, 3 dan 4 di atas piring.
6. Kacau sos dan tuangkannya ke atas bahan tadi dan kacau sehingga menjadi sebati sebelum menghidangkannya.
7. Hiaskan dengan tomato dan daun parsli.

### Bebola Daging dengan Sos Mastad Panjang

#### [Bahan-bahan yang diperlukan]

200 gm daging lembu yang dicincang halus  
10 keping cendawan  
2 keping halia  
300 gm mastad panjang  
1 sudu besar minyak  
800 ml air  
2 sudu teh serbuk bikarbonat

#### [Bahan-bahan untuk Sos]

300 ml stok  
1/2 sudu teh garam  
1/2 sudu teh monosodium glutamate  
1/2 sudu teh gula  
1 sudu teh sos soya yang cair  
1/2 sudu teh minyak bijan  
1 sudu besar tepung jagung  
lada secukup rasa

#### [Bahan-bahan Perisa]

1/2 sudu teh garam  
1/4 sudu teh monosodium glutamate  
1/2 sudu teh sos soya yang cair  
1/2 sudu teh minyak bijan  
1 sudu teh tepung jagung  
lada secukup rasa

#### [Cara Memasak]

1. Campurkan kesemua bahan-bahan perisa dengan daging lembu yang dicincang. Bentukkan bebola daging, kemudian tutup dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 1 minit 30 saat.
2. Pisahkan daun mastad panjang dan potong batang mastad panjang kepada bentuk yang menarik.
3. Rendamkan kepingan mastad panjang yang telah dipotong di dalam 800 ml air yang dicampurkan dengan 2 sudu teh serbuk bikarbonat. Kemudian angkat dan toskannya.
4. Masukkan daun mastad panjang, halia dan cendawan di dalam mangkuk kaserol dan renjiskan 1 sudu besar minyak ke atasnya. Kemudian tutup dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 4 hingga 5 minit. Kacau adunan itu selepas separuh daripada masa yang ditetapkan.
5. Tambahkan bahan-bahan sos, tutup dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 2 minit.
6. Tuangkan sos ke atas masakan yang telah masak. Sedia untuk dihidangkan.

## MAKANAN LAUT

### Siput sumbat

#### [Bahan-bahan yang diperlukan]

siput- 8  
40 gm daging lembu yang dikisarkan  
1 sudu teh wain  
1 sudu teh sos soya  
1 sudu teh daun bawang yang dicincang halus  
1/2 biji telur yang telah dipukul  
1 1/2 sudu besar tepung jagung  
1/4 sudu teh perahan halia  
1/2 sudu teh garam  
1/4 sudu teh gula.

#### [Cara Memasak]

1. Rendamkan siput di dalam air garam untuk membersihkan sebarang pasir yang terlekat padanya. Bersihkannya dengan menggeserkan cengkerang siput di antara satu sama lain.
2. Masukkan siput ke dalam mangkuk kaserol, tambahkan air sebanyak 70 ml, tutup dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 3 minit (sehingga kulit siput terbuka).
3. Campurkan ke semua ramuan yang lain dan bahagikannya kepada 8 bahagian.
4. Sumbatkan setiap satu bahagian doh yang telah disiapkan di dalam setiap bahagian siput yang tidak diisi daging siput.
5. Susunkan kesemua 16 bahagian siput di atas piring yang leper, tambahkan 50 ml air, tutup dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 3 hingga 3 minit 30 saat. Hidangkan sementara ianya panas.





## “Filet” Ikan Dalam Mentega Parsli Limau

### [Bahan-bahan yang diperlukan]

1/2 cawan marjerin atau mentega  
2 2/3 sudu teh tepung gandum  
2 2/3 sudu besar perahan limau yang segar  
1 sudu besar daun parsli yang dicincang halus  
1/4 sudu teh garam  
sedikit lada  
sedikit biji saleri  
500 gm “filet” ikan yang dikisar  
(daging segar atau yang dibekukan)

### [Cara Memasak]

1. Masukkan marjerin ke dalam dulang yang bersudut tepat atau mangkuk kaserol bersaiz 25 cm persegi. Kemudian, masukkan ke dalam ketuhar gelombang mikro pada paras HIGH selama 1 hingga 2 minit sehingga marjerin menjadi cair. Kisarkan bahan-bahan yang lain kecuali isi ikan untuk membuat sos mentega.
2. Sapukan kedua-dua belah “filet” ikan dengan sos mentega, kemudian susunkan ke dalam dulang bakar. Tutupkan dengan penutup plastik. Masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 7 hingga 8 minit sehingga “filet” ikan masak sepenuhnya. Hidangkan.

## Udang Masak Cili

### [Bahan-bahan yang diperlukan]

6 ekor udang (200 gm)  
2 helai daun bawang  
8 biji cili hijau  
3 sudu besar wain  
1 sudu besar tepung jagung  
1 sudu besar minyak  
2 keping halia

### [Bahan-bahan perisa]

1 1/2 sudu besar sos soya  
1 sudu besar gula  
1 sudu besar cuka

### [Cara Memasak]

1. Bersihkan udang dengan menanggalkan uratnyanya pada bahagian belakang. Potong menjadi 2 atau 3 keping dan masukkan ke dalam mangkuk. Renjiskan dengan wain dan biarkannya rendam.
2. Potong daun bawang setiap 5 cm panjang. Belahkan cili hijau dan buang bijinya.
3. Keluarkan udang dari rendaman wain dan campurkan dengan tepung jagung.
4. Masukkan udang, daun bawang, cili hijau dan halia ke dalam mangkuk kaserol, tambahkan 1 sudu besar minyak dan kacau sehingga menjadi sebati. Tutup dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 2 minit. Keluarkan dan kacau sehingga menjadi sebati. Tambahkan bahan-bahan perisa dan kacau semula. Tutup dan masukkan ke dalam ketuhar gelombang mikro dan masak pada tahap HIGH selama 2 minit.
5. Kacau dan hidangkan sementara panas.

## Stim Ikan Penuh

### [Bahan-bahan yang diperlukan]

1 ekor ikan (300-400 gm)  
1 ulas bawang  
3 keping halia

### [Bahan-bahan perisa]

2 1/2 sudu besar wain cina  
1 1/2 sudu besar sos soya  
1/4 sudu teh lada putih  
1/2 sudu teh garam  
1/2 sudu teh gula  
1 sudu besar minyak  
sedikit daun parsli

### [Cara memasak]

1. Bersihkan ikan dan keringkannya. Buat beberapa belahan pada kedua-dua bahagian ikan.
2. Potong separuh daripada bawang kepada 2 bahagian dan tumbukkan. Bawang yang selebihnya dicincang halus.
3. Letakkan bawang yang ditumbuk di dalam mangkuk kaserol dan tambahkan beberapa kepingan halia. Letakkan ikan di atasnya. Salutkan ikan dengan bahan-bahan perisa yang dicampurkan sebati serta 2 sudu besar air. Tutup dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap MED HIGH selama 6 hingga 8 minit.
4. Tambahkan 1 sudu teh minyak mendidih ke atas ikan. Hiaskan dengan hirisan daun bawang dan daun herba hijau.





## SAYURAN

### “Bean Kerd” Yang Sejuk

#### [Bahan-bahan yang diperlukan]

1 keping “bean kerd”  
110 gm daging lembu yang dikisarkan  
1/4 cawan bawang yang dicincang

#### [Bahan-bahan perisa]

1 sudu besar pasta bean  
1 sudu besar sos soya  
1/2 sudu besar minyak bijan  
1 1/2 sudu teh gula  
50 ml air  
1 sudu teh tepung jagung yang dicampurkan dengan 2 sudu teh air

#### [Cara memasak]

1. Masukkan bean kerd ke dalam periuk kaserol dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap 1 minit. Keluarkan dan rendamkannya di dalam air. Toskan dan potong menjadi beberapa keping. Susunkan pada piring hidangan.
2. Masukkan daging dan bawang yang telah dicincang ke dalam periuk kaserol, tutup dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro selama 3 minit pada tahap HIGH. Kacau sehingga menjadi sebatian selepas separuh daripada masa memasak dan keluarkan minyak yang berlebihan. Tambahkan pasta bean, sos soya, minyak bijan, gula dan air. Kacau sehingga menjadi sebatian. Tutup dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro selama 3 minit pada tahap HIGH. Kacau sehingga menjadi sebatian semasa masakan sedang masak. Pastikan warna masakan untuk menentukan samada ia sudah masak ataupun tidak.
3. Tuangkan adunan tepung jagung ke dalam periuk kaserol. Jangan tutupkan periuk kaserol dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 40 saat hingga 1 minit lagi.
4. Salutkan bahagian atas “bean kerd” dengan campuran daging. Hiaskannya dengan kobis “lettuce”, daun bawang yang telah dicincang dan buah ceri jika dikehendaki.

### Kentang Sumbat Dengan Daging Cincang

#### [Bahan-bahan yang diperlukan]

3 biji ubi kentang  
(600 gm) yang direbus  
150 gm bawang yang dicincang  
100 gm daging lembu yang dicincang  
50 gm kacang peas hijau  
1 sudu teh minyak

#### [Bahan-bahan perisa]

1 sudu teh garam  
20 gm mentega

#### [Cara Memasak]

1. Basuh ubi kentang dan toskannya. kupaskan kulitnya dengan garpu atau alat pengupas kulit untuk melepaskan wapnya.
2. Letakkan kentang di atas piring putar pada ketuhar gelombang mikro dan setkannya pada tahap HIGH selama 8 hingga 9 minit. Terbalikkannya selepas separuh dari masa yang disebutkan tadi. Apabila sudah masak, salutkan dengan kertas aluminium dan keketepikannya.
3. Masukkan bawang yang dicincang bersama 1 sudu teh minyak salad ke dalam periuk kaserol dan kacau sehingga sebatian. Tutup dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 2 minit. Kacau selepas separuh dari masa tersebut. Perhatikan warna masakan untuk memastikan samada ia sudah masak ataupun tidak.
4. Gaulkan ke dalamnya daging lembu yang telah dicincang dengan kacang peas dan garam. Kemudian tutup dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 2 minit. Kacau selepas separuh masa tersebut.
5. Potong ubi kentang dari atas kemudian tebuknya dengan sudu.
6. Sumbatkan ubi kentang dengan campuran dari (4) dan tutup permukaannya dengan potongan ubi yang dikeluarkan dari (5).
7. Sapukan dengan mentega. Letakkan di atas pinggan dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 2 minit 30 saat hingga 3 minit. Hidangkan sementara ianya panas.

### Gratin Sayuran

#### [Bahan-bahan yang diperlukan]

30 gm pokok buluh muda (baby bamboo shoots)  
6 biji tomato ceri  
6 keping cendawan Champignon  
6 keping jagung muda (dalam tin)  
6 keping cendawan straw (dalam tin)  
230 gm sayuran hijau  
14 batang asparagus hijau (dipotong dua)  
1 biji lobak merah (diukir)  
3 kepingan ubi kentang  
1/2 tin kacang ginko  
1 1/2 sudu teh garam  
800 ml stok sayuran  
300 ml stok campuran dengan  
1 1/2 sudu besar tepung jagung  
sedikit minyak lemak ayam

#### [Cara Memasak]

1. Bersihkan kesemua sayuran. Tambahkan dengan garam dan stok. Kemudian masukkan ke dalam periuk kaserol dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 1 minit 30 saat hingga 2 bagi setiap jenis stok.
2. Keluarkan stok daripada ketuhar gelombang mikro setiap kali.
3. Celupkan tomato di dalam yang mendidih dan kupaskan kulitnya.
4. Susunkan sayuran (berwarna-warni) pada piring hidangan.
5. Panaskan 300 ml kanji jagung dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 2 hingga 2 minit 30 saat. Tuangkan ke atas sayuran, taburkan lemak daging ayam yang dicairkan dan hidangkannya.

**PANASKAN** Jenis sayuran yang dipilih adalah mengikut citarasa individu.





## TELUR

### Chawan Mushi

#### [Bahan-bahan yang diperlukan]

7 gm cendawan (rendam dan dipotong 2)  
 60 gm udang (dikupas kulit dan ditanggalkan uratnya)  
 20 gm kek ikan (fish cake)  
 80 gm bahagian dada ayam (dipotong dadu)  
 400 ml sup "dashi" yang sejuk  
 4 biji telur  
 1/2 sudu besar sos soya cair  
 2 sudu teh "mirin" (wain masakan yang manis)  
 1 helai daun parsli

#### [Cara memasak]

1. Campurkan kiub perisa sup, sos kacang soya cair, garam, mirin dan telur. Pukul perlahan.
2. Susunkan ketulan ayam, kek ikan, cendawan dan udang ke dalam 4 cawan hidangan.
3. Tuangkan bahan-bahan yang disebutkan di nombor (1) ke atas bahan-bahan di nombor (2).
4. Sekiranya terdapat lebih buihan pada permukaan campuran nombor (1), gunakan sudu teh untuk mengeluarkannya.
5. Salutkan cawan-cawan tadi dengan kertas aluminium, buatkan lubang di tengah-tengah dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap MED selama 7 hingga 9 minit.

**PANASKAN** pastikan kertas aluminium tidak menyentuh di antara satu sama lain, piring putar atau dinding ketuhar.

6. Biarkannya menjadi sejuk untuk selama 5 minit.
7. Hiaskan dengan daun parsli.

### Telur Bakar

#### [Bahan-bahan yang diperlukan]

4 biji telur  
 minyak yang secukupnya

#### [Cara memasak]

1. Sapukan minyak pada 2 keping mangkuk sup yang kalis kepanasan. Pecahkan telur ke dalamnya.
2. Buatkan lubang pada kuning telur supaya ianya tidak meletup semasa dipanaskan di dalam ketuhar gelombang.
3. Letakkan mangkuk di atas piring putar dan tutup kedua-dua mangkuk dengan pembalut plastik. Masukkan ke dalam ketuhar dan masak pada tahap MED LOW selama 8 hingga 10 minit.

Kuantiti (biji telur)	Masa yang diperlukan untuk masak (pada tahap MEDLOW)
1	1 minit 30 saat hingga 2 minit 30 saat
2	3 minit hingga 4 minit
3	5 hingga 7 minit

#### [PANASKAN]

Berhati-hati supaya telur tidak terlampau masak sebab ia akan hangit dengan mudah.

- \* Masa masakan bergantung kepada saiz dan kesegaran telur. Ubahsuaikan masa masakan dengan memerhatikan resipi yang sedang masak di dalam ketuhar.
- \* Apabila memasak hanya sebiji telur, letakkan mangkuk yang mengandungi telur di tengah-tengah piring putar.

### Telur Goreng

#### [Bahan-bahan yang diperlukan]

1 biji telur  
 1 sudu besar susu

#### [Bahan-bahan perisa]

secubit garam  
 secubit lada

#### [Cara memasak]

1. Pecahkan telur ke dalam periuk kalis kepanasan. Tuangkan susu dan tambahkan garam serta lada dan campurkannya sehingga menjadi sebati. Masukkan periuk yang tidak tertutup tadi di tenggahtengah piring putar di dalam ketuhar gelombang mikro dan masak pada tahap HIGH selama 40 saat hingga 1 minit.
2. Potongkan telur yang telah dimasak tadi menjadi kepingan yang kecil.





---

---

## PENCUCI MULUT

---

---

### Kerd Kacang Badam

**[Bahan-bahan yang diperlukan]**

2 sudu besar gelatin  
600 ml air  
200 ml susu  
<sup>3</sup>/<sub>4</sub> sudu besar ekstrak kacang badam  
sedikit buah campuran dengan sirupnya  
sekali (dalam tin)

**[Cara Memasak]**

1. Masukkan gelatin ke dalam periuk kaserol, tambahkan air sebanyak 600 ml, tutupkannya dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 7 hingga 9 minit.
2. Tambahkan susu dan ekstrak kacang badam. Kacaukannya sehingga menjadi sebatii.
3. Tuangkan ke dalam mangkuk dan sejukkannya di dalam peti sejuk.
4. Potongkannya mengikut bentuk berlian dan hiaskan dengan buah campuran serta sirupnya.

### Kek Buah Kismis

**[Bahan- bahan yang diperlukan]**

90 gm tepung gandum  
3 biji telur  
70 gm gula putih  
50 gm buah kismis

**[Cara Memasak]**

1. Ayakkan tepung gandum dan ketepikannya.
2. Pukul putih telur di dalam mangkuk khas sehingga timbul buih.
3. Tambahkan gula sedikit demi sedikit dan pukul semula.
4. Campurkan kuning telur dengan putih telur.
5. Tambahkan tepung dan kacau dengan cepat.
6. Tambahkan buah kismis dan kacau lagi.
7. Tuangkan adunan tadi ke dalam acuan yang dilenser mentega. Salutkan acuan tadi dengan kertas tuala dan masak di dalam ketuhar gelombang mikro pada tahap HIGH selama 3 hingga 4 minit sehingga bahagian tengah masak.

### Trifil

**[Bahan- bahan yang diperlukan]**

1 bungkus Port Wain Kristal jelly (agar-agar)  
1 <sup>1</sup>/<sub>2</sub> cawan air mendidih  
5 <sup>1</sup>/<sub>3</sub> sudu besar tepung kastard  
375 ml susu  
<sup>1</sup>/<sub>2</sub> cawan gula  
1 subu teh esen Vanila  
1 cawan krim yang dipukul  
12 keping Makarun  
1 keping kek Madeira  
<sup>1</sup>/<sub>2</sub> cawan sheri  
beberapa biji buah Strawberi  
beberapa biji buah Blueberi

**[Cara Memasak]**

1. Caikan agar-agar di dalam air mendidih dan simpan di dalam peti ais sehingga separuh beku.
2. Pukul tepung kastard dengan susu. Tambahkan gula dan esen vanila. Masak selama 4 hingga 6 minit pada tahap HIGH. Kacau sebanyak 2 kali semasa ianya sedang masak. Kemudian angkat dan sejukkannya.
3. Masukkan separuh daripada krim yang dipukul ke dalam kastard.
4. Susukan Makarun dan kek pada empat keping piring hidangan. Tuangkan separuh daripada sheri ke atas Makarun dan kek. Hiaskan bahagian permukaannya dengan lapisan buah strawberi, blueberi, agar-agar dan kastard.
5. Buat beberapa lapisan dan sejukkannya selama 2 hingga 3 jam.
6. Hiaskan dengan krim yang dipukul.

